



**JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT  
MAJLIS PERBANDARAN KAJANG**

**GARIS PANDUAN GOTONG-ROYONG**

- 
1. Bahagian Komuniti, Jabatan Pembangunan Masyarakat dipertanggungjawabkan sebagai penyelaras program gotong-royong.
  2. Sebanyak 5 permohonan gotong-royong diambil tindakan pada setiap minggu.
  3. Pemohon adalah yang telah berdaftar secara sah dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia dan Majlis Perbandaran Kajang.
  4. Tempoh permohonan gotong-royong adalah 10 hari waktu bekerja.
  5. Mengemukakan gambar sebelum dan selepas aktiviti yang dijalankan (mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan). Cth: Hasil sampah
  6. Tidak dibenarkan sebarang aktiviti penebangan / pencantasan pokok semasa gotong-royong.
  7. Kenalpasti hak milik pokok / jenis sampah / kategori longkang :-
    - Pemilik bertanggungjawab ke atas pelupusan pokok tanaman yang ditanam sendiri.
  8. Sampah hendaklah dikumpulkan setempat supaya memudahkan proses kutipan.  
Penduduk perlu mengasingkan sampah pokok yang sedia ada, batu dan kayu.
  9. Sila asingkan sampah kitar semula mengikut jenis. (plastik, kertas, tin & kaca)
  10. Sampah pukal berdasarkan kayu hendaklah dilerakan terlebih dahulu (almari, meja, sofa, rak kayu). Majlis Perbandaran Kajang tidak membantu mengangkat sampah dan sampah pukal di kawasan rumah bertingkat.
  11. Pihak Majlis Perbandaran Kajang tidak menyediakan peralatan gotong-royong termasuk plastik sampah. Persatuan penduduk digalakkan untuk menggunakan plastik mudah urai.
  12. Majlis Perbandaran Kajang tidak menyediakan perkhidmatan memotong pokok hak milik persendirian dan di dalam premis bukan hak milik Majlis Perbandaran Kajang.

13. Majlis Perbandaran Kajang hanya mencantas dahan-dahan pokok sekiranya ada keperluan dan mengikut kemampuan semasa.
14. Sekiranya terdapat keperluan yang bertindihan dengan program rasmi Majlis, pembersihan akan dilaksanakan dalam tempoh 3 hari selepas program tersebut.
15. Semasa aktiviti gotong-royong pihak Persatuan / Kejiran Rukun Tetangga digalakkan menghubungi pihak kitar semula untuk menjual barang-barang kitar semula yang telah dikumpulkan dan hasil jualan disyor dimasukkan di dalam tabung persatuan.
16. Program bebas denggi – mencari dan memusnahkan tempat pembakaran sahaja. Fogging tidak akan dibuat semasa aktiviti gotong-royong. Fogging dibuat semasa kerja-kerja rutin harian.
17. Lori kontraktor mengangkut sampah sebanyak satu pusingan (trip) sahaja.
18. Keselamatan semasa aktiviti gotong-royong adalah tanggungjawab Persatuan Penduduk.
19. Bagi pemasangan kain rentang / bunting perlu dimasukkan logo Sihat Selangor.  
Pemasangan kain rentang di kawasan perumahan tidak perlu membayar permit. Pemasangan kain rentang di jalan utama perlu meminta kebenaran dari Jabatan Pelesenan & Penjaja.

